



**TEKS UCAPAN RAKAMAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
PROGRAM PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN & KIBAR  
JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI MELAKA 2021  
  
TARIKH: 6 OGOS 2021 (JUMAAT) MASA : 11.30 PAGI  
DI PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warramatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Berhormat Datuk Wira AR. Hj. Ismail Bin Othman,  
EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja  
dan Hal Ehwal Pengguna;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Melaka;

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Zaidi bin Johari,  
Pegawai Kewangan Negeri;

Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka dan Agensi  
Peringkat Negeri dan Persekutuan;

Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan,  
yang dikasihi sekalian,

1. Pertamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan Izin-nya, pada hari yang penuh bermakna ini, kita tetap dapat meraikan satu bulan yang sangat istimewa, yang telah terpahat di dalam kalendar Malaysia.
2. Tahun ini, buat kesekian kalinya, sambutan terpaksa dibuat secara maya kerana kita masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

3. Sebentar tadi, kita telah mendengar amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang disiarkan secara langsung, yang diikuti oleh seluruh rakyat Malaysia.
  
4. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas amanat dan mesej yang disampaikan sebentar tadi.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Tujuan utama kita meraikan Bulan Kebangsaan & Kempen Kibar Jalur Gemilang pada setiap tahun adalah bertujuan untuk mengajak semua rakyat Malaysia lebih mengingati dan mendalami sejarah perjuangan serta mensyukuri nikmat kemerdekaan yang telah dikecapi oleh negara sejak tahun 1957.
  
6. Kemerdekaan sesuatu negara dapat dijamin teguh berdiri apabila berpangkal pada kemerdekaan jiwa. Sesungguhnya, ini adalah satu-satunya perayaan yang dimiliki oleh kita semua tanpa mengira kaum dan latar belakang. Semangat kemerdekaan ini perlu kita garap menjadi inspirasi dalam memelihara kerukunan, keharmonian, kemakmuran dan

perpaduan dalam kalangan masyarakat khususnya di Negeri Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Negeri Melaka masih berada dalam Fasa Pertama Pelan Pemulihan Negara (PPN). Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas COVID-19, saya dimaklumkan bahawa Melaka akan mencapai **nilai ambang 40 peratus** penduduk berusia 18 tahun ke atas yang lengkap dua dos vaksinasi menjelang Hari Kebangsaan ini. Sama-samalah kita terus berdoa semoga Negeri Melaka dapat segera beralih ke fasa seterusnya.

8. Sepanjang tempoh berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 ini, Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha dan tindakan bagi membendungnya. Kerajaan Negeri Melaka telah mengumumkan **Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama** dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin dan terpelihara.
9. Dalam hal ini, saya berharap agar semua agensi kerajaan yang diberikan amanah dan tanggungjawab untuk lebih peka dan proaktif melihat kesukaran yang dihadapi oleh rakyat dan memberikan bantuan yang bersesuaian.



Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

10. Bersempena dengan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2021 ini, saya menyeru kepada seluruh rakyat Melaka untuk bersama-sama menzahirkan semangat patriotik melalui kibaran Jalur Gemilang di setiap premis kediaman, pejabat mahupun kenderaan masing-masing.
11. Selain itu, saya juga amat menggalakkan penganjuran aktiviti kemerdekaan secara atas talian terus dilaksanakan dalam tempoh pandemik ini dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

12. Saya difahamkan, Jabatan Penerangan Negeri Melaka telah mengaturkan pelbagai aktiviti dan pertandingan secara atas talian yang boleh disertai oleh orang ramai seperti Sayembara Sajak Merdeka, Pertandingan Fotografi Klik@Merdeka, Pertandingan Video Tiktok Ilham Merdeka 2021, dan sebagainya.
13. Di samping itu, saya juga dimaklumkan, pada tahun ini, pasukan hebahan bergerak Jabatan Penerangan Negeri Melaka melalui program *Info On Wheels* (IOW) Merdeka juga telah memulakan Kempen Kibar Jalur Gemilang di Pusat Pemberian Vaksin di negeri ini.

14. Bukan itu sahaja, saya juga difahamkan, hebahan IOW dalam loghat Melaka telah tular, baru-baru ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Penerangan Negeri Melaka atas inisiatif kreatif tersebut. Teruskanlah bersama Kerajaan Negeri untuk memberi hebahan kepada rakyat negeri ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

15. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua badan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan orang perseorangan yang turut bersama pihak kerajaan membantu rakyat dalam tempoh sukar ini.

16. Bukan itu sahaja, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada seluruh petugas “*frontliners*” yang tidak pernah putus asa membantu dan menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia. Sesungguhnya pengorbanan anda sangat besar ertinya kepada seluruh rakyat Malaysia.
  
17. Hargailah pengorbanan para pejuang kemerdekaan negara dahulu. Hargailah pengorbanan petugas barisan hadapan negara yang masih belum dapat berehat sejak Disember 2019 apabila pandemik COVID-19 mula melanda negara kita. Amalkan kawalan sendiri bagi memutuskan rantaian pandemik ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

18. Akhir kata, saya mendoakan agar kita semua sentiasa berada di bawah Rahmat Allah SWT. Marilah kita terus berdoa agar kemerdekaan Malaysia yang kita cintai ini dapat diwariskan kepada generasi akan datang sampai bila-bila. Raikanlah persamaan dan hindarkanlah persengketaan.
19. Dengan lafaz, بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ sukacitanya saya merasmikan **Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Melaka 2021.**

*Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih